

SJK(C) YAK CHEE, BATU 8, PUCHONG  
PENILAIAN KERTAS PEMAHAMAN BAHASA MALAYSIA  
TAHUN 3 KALI PERTAMA (2016)  
MASA: 1 JAM 15 MINIT

Nama: \_\_\_\_\_ ( )

Markah : \_\_\_\_\_ %

Kelas: 3 \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_-4-2016

Soalan 1 hingga soalan 6. Lengkapkan dialog di bawah dengan jawapan yang betul.  
(12%)

ayah	Baiklah	Tolong
Saya	pak cik	datuk

Encik Bintang: Selamat pagi, Bavani.

Bavani : Selamat pagi, pak cik.

Encik Bintang: Di manakah (1) \_\_\_\_\_ kamu?

Bavani : Ayah saya pulang ke kampung untuk menziarahi (2) \_\_\_\_\_ yang sakit. Ada apa, (3) \_\_\_\_\_?

Encik Bintang: (4) \_\_\_\_\_ sampaikan pesanan kepada ayah kamu supaya datang ke dewan untuk bermesyuarat. Mesyuarat ini akan diadakan pada 8 April, pukul 8.30 malam.

Bavani : (5) \_\_\_\_\_, pak cik. (6) \_\_\_\_\_ akan sampaikan pesanan ini kepada ayah.

Soalan 7 hingga soalan 11. Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. (10%)

Pada cuti sekolah yang lalu, Ai Ling sekeluarga telah pulang ke kampung mereka di Ipoh. Mereka pulang untuk menyambut perayaan Tahun Baharu Cina.

Nenek Ai Ling tinggal di Kampung Bercham bersama-sama bapa saudara Ai Ling. Suasana perayaan di kampung sungguh meriah. Ai Ling sekeluarga makan bersama nenek dan saudara-mara semasa majlis makan malam. Mereka berbual mesra selepas makan.

Selain mendapat *angpau*, Ai Ling juga dapat menikmati makanan kegemarannya, iaitu kuih bakul yang dibuat oleh nenek. Ai Ling juga tinggal di rumah sepupunya selama dua hari. Ai Ling suka bermain dengan sepupunya.

7. Mengapakah Ai Ling sekeluarga pulang ke kampung?

Ai Ling sekeluarga pulang ke kampung untuk menyambut \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

8. Di manakah nenek Ai Ling tinggal?

Nenek Ai Ling tinggal \_\_\_\_\_

9. Apakah kuih tradisional yang dibuat oleh nenek Ai Ling?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

10. Berapa lamakah Ai Ling tinggal di rumah sepupunya?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

11. Bagaimanakah hubungan Ai Ling dengan sepupunya?

\_\_\_\_\_

Soalan 12 hingga soalan 16. Isikan tempat kosong dengan perkataan berimbuhan.  
(10%)

mewarna	beratur	hidangan	gubahan	bertepuk
---------	---------	----------	---------	----------

12.




Kim Lin \_\_\_\_\_ semasa membeli aiskrim.

13.



Pertandingan \_\_\_\_\_ bunga khusus untuk kaum ibu.

14.



Nisa dan adiknya mengambil bahagian dalam pertandingan \_\_\_\_\_.

15.



Mei Mei dan rakan-rakannya \_\_\_\_\_ tangan apabila anggota kumpulan mereka menang.

16.



Ibu Li Yi telah menyediakan pelbagai \_\_\_\_\_ yang lazat untuk jamuan majlis hari jadinya.

Soalan 17 hingga soalan 21. Lengkapkan ayat dengan frasa yang sesuai berpandukan gambar. (10%)


mengelap kaca tingkap	mencatat maklumat	mengisar buah jambu
mencabut rumput	menyiram pokok bunga	menanam pokok bunga

17.




Haikal sedang \_\_\_\_\_ yang tumbuh di batas sayurnya.

18.



Chee Keong suka \_\_\_\_\_ pada masa lapang.

19.



Nisya \_\_\_\_\_ rumahnya setiap hari Ahad.

20.



Puan Lim \_\_\_\_\_ tentang perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat.

21.



Encik Teck Sing menggunakan mesin ini untuk \_\_\_\_\_.

**Soalan 22 hingga soalan 25. Isikan tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai. (8%)**


hitam	bujur	kemas	tinggi
-------	-------	-------	--------



22. Kaca mata renang Kim Ho berbentuk \_\_\_\_\_.

23. Kim Ho memakai baju renang berbelang putih

\_\_\_\_\_.



24. Rak-rak buku di perpustakaan \_\_\_\_\_  
manakala rak majalah pula rendah.

25. Buku-buku di rak-rak disusun dengan \_\_\_\_\_.

**Soalan 26 hingga soalan 29. Bulatkan jawapan yang paling tepat.**

**Soalan 30. Tuliskan respons yang sesuai. (10%)**

Apa khabar, Rajan?

KERBAAN

(26)

A Khabar baik, abang.

B Selamat pagi, abang.



Selamat datang, Rajan.  
Silakan masuk.

(27)



A Sama-sama.  
B Terima kasih.


Bavani, tolong tunjukkan bilik kepada Pak Cik Rajan.



(28)



A Baiklah, ibu.  
B Sama-sama, ibu.




Bolehkah Pak Cik Rajan menemani saya menunggang kuda?

(29)




A Ya, Bavani. Pak cik boleh menemani kamu.  
B Ya, Bavani. Kamu boleh menunggang kuda di zoo itu.

Encik Teck Sing



Encik Farid, tolong letakkan alas plastik di atas meja.

(30)



Encik Farid

**Soalan 31 hingga soalan 50. Baca soalan. Kemudian, bulatkan jawapan yang paling tepat. (40%)**

31. Pilih kata nama am hidup bukan manusia yang terdapat dalam ayat.

Pak Cik Ali mempunyai seekor monyet yang pandai memetik buah kelapa.

- A monyet                      B Pak Cik Ali                      C pandai                      D seekor

32. Pilih kata nama khas hidup bukan manusia yang terdapat dalam ayat.

Pada hari Jumaat yang lalu, Chun Hao membaca sebuah buku cerita tentang Sang Kancil.

- A Jumaat    C buku cerita  
B Chun Hao    D Sang Kancil

33. Dua ekor \_\_\_\_\_ sedang hinggap di kabel elektrik.

- A anjing                      B burung                      C kuda                      D ikan

34. Pertandingan bercerita akan diadakan pada bulan \_\_\_\_\_.

- A April                      B Khamis                      C Sabah                      D Waja

35. Murid-murid berada di kantin. \_\_\_\_\_ sedang menjamu selera.

- A Kita                      B Dia                      C Mereka                      D Saya

36. Tuan Pengarah sedang memberi ucapan. \_\_\_\_\_ memuji amalan kerjasama penduduk yang menjayakan program itu.

- A Dia                      B Kamu                      C Baginda                      D Beliau

37. "Marilah \_\_\_\_\_ menghias perpustakaan ini bersama-sama," kata Encik Kamal.  
A kalian                      B kita                      C dia                      D beta
38. "Bolehkah \_\_\_\_\_ pinjamkan saya sebatang pensel?" tanya Ani kepada rakannya.  
A aku                      B kamu                      C kami                      D dia
39. Jangan bermain di situ. Kawasan \_\_\_\_\_ tidak selamat.  
A sana                      B itu                      C sini                      D ini
40. Keluarga Vinod akan melancong ke Melaka. Mereka akan bertolak ke \_\_\_\_\_ pada hari Ahad.  
A sana                      B sini                      C itu                      D ini
41. Kim Ho dan Nisya mempromosikan minuman jualan mereka sambil \_\_\_\_\_ para pelanggan dengan mesra.  
A menarik                      B menunggu                      C melawat                      D melayan
42. Haikal \_\_\_\_\_ rambutnya dengan air setelah mencuci dengan syampu.  
A membilas                      B mengelap                      C menyikat                      D menyiram



43. Encik Teck Sing \_\_\_\_\_ pasu bunga dan meletakkannya di tepi pagar.

- A menghantar
- B menyimpan

- C membuang
- D mengangkat

44. Nenek \_\_\_\_\_ air dengan cerek.

- A menjerang
- B mencuci

- C mengukus
- D membakar

45. Suara penyanyi itu sungguh \_\_\_\_\_.

A lancar

B fasih

C merdu

D licin

Jawab soalan 46 hingga soalan 50 berdasarkan petikan di bawah.

Pada cuti sekolah yang lalu, Kim Ho dan keluarganya berkelah di pantai. Mereka ke sana dengan menaiki kereta. Sebaik sahaja tiba di sana, ayah Kim Ho membentangkan tikar di bawah sepohon pokok kelapa. Ibu dan kakaknya pula menghidangkan makanan di atas tikar.

Kim Ho bermandi-manda di laut dengan menggunakan pelampung. Adik Kim Ho pula leka mengutip kulit-kulit siput sambil bermain di gigi air. Setelah penat bermain air, mereka makan bekalan yang dibawa bersama-sama.

Apabila petang menjelang, Kim Ho dan keluarganya mengemas barangan untuk pulang ke rumah. Kim Ho berharap dapat berkunjung ke pantai itu lagi jika ada kelapangan.

46. Di manakah Kim Ho dan keluarganya berkelah ?

A sungai

B air terjun

C pantai

D taman

47. Berapakah jumlah ahli keluarga Kim Ho?
- A tiga orang  
B empat orang  
C lima orang  
D enam orang
48. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Kim Ho semasa berkelah di pantai?
- A membina istana pasir  
B mendayung sampan  
C bermandi-manda di laut  
D mengutip kulit siput
49. Berikut merupakan kebaikan kita berkelah bersama keluarga **kecuali**
- A dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan  
B dapat menambah sumber kewangan keluarga  
C dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah  
D dapat beriang-ria bersama keluarga
50. Pilih frasa yang mengandungi **diftong**.
- A mengemas barangan  
B berkelah di pantai  
C pulang ke rumah  
D membentangkan tikar

----- TAMAT -----

**Selamat Menjawab, Semoga Berjaya**

**Jawapan**

- |   |       |
|---|-------|
| 1. ayah   | 31. A |
| 2. datuk  | 32. D |
| 3. pak cik  | 33. B |
| 4. Tolong   | 34. A |
| 5. Baiklah  | 35. C |
| 6. Saya   | 36. D |
| 7. perayaan Tahun Baharu Cina.  | 37. B |
| 8. di Kampung Bercham.  | 38. B |
| 9. Kuih tradisional yang dibuatolah nenek Ai<br>Ling ialah kuih bakul.    | 39. B |
| 10. Ai Ling tinggal di rumah sepupunya<br>selama dua hari.                | 40. A |
| 11. Hubungan Ai Ling dengan sepupunya<br>sangat baik.                     | 41. D |
| 12. beratur   | 42. A |
| 13. gubahan   | 43. D |
| 14. mewarna   | 44. A |
| 15. bertepuk  | 45. C |
| 16. hidangan  | 46. C |
| 17. mencabut rumput   | 47. C |
| 18. menanam pokokbunga  | 48. C |
| 19. menggelap kaca tingkap  | 49. B |
| 20. mencatat maklumat   | 50. B |
| 21. mengisar buah jambu   |       |
| 22. bujur   |       |
| 23. hitam   |       |
| 24. tinggi  |       |
| 25. kemas   |       |
| 26. A   |       |
| 27. B   |       |
| 28. A   |       |
| 29. A   |       |
| 30. Baiklah, Encik Teck Sing. Saya akan<br>letakkan plastic di atas meja. |       |